



Headline: Taktik baharu sindiket Macau Scam  
Publication/Portal: Kosmo  
Date: 8 August 2018

Language: Malay  
Section: Negara  
Page: 19

Kirim surat guna SMS kononnya mangsa terlibat kes dadah, gelap wang RM2.3 juta

# Taktik baharu sindiket Macau Scam

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

**A**LOR SETAR – Sindiket penipuan Macau Scam dikesan menggunakan helah baharu untuk memerangkap mangsanya iaitu dengan menghantar surat menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS) mendakwa kononnya mangsa terlibat dalam kes dadah dan menggelapkan wang sehingga RM2.3 juta.

Mereka kemudian akan menghubungi mangsa dan mengarahkannya memindahkan semua wang ke dalam satu akaun milik individu lain sebelum mendakwa kononnya akaun mangsa akan dibekukan.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Kedah, Superintendan Chan Teck Paing berkata, taktik terbaharu itu dikesan pihaknya kelmarin.

Katanya, sindiket itu menggunakan surat dengan lambang Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang mendakwa mangsa terlibat dalam kes dadah dan menggelapkan wang RM2.3 juta serta meminta mangsa bekerjasama dengan pihak polis dalam masa dua jam.



“Dalam kandungan surat itu juga menunjukkan mangsa akan dikenakan waran tangkap untuk ditahan reman selama 45 hari selain akaun bank miliknya akan dibekukan dalam masa dua tahun enam bulan.

“Wujud beberapa perkara yang bercanggah dalam surat itu seperti menggunakan cop Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur di atas tanda tangan yang kononnya didakwa milik Ketua Polis Kedah,” katanya ketika ditemui di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah di sini semalam.

Sehingga kini, sebanyak 107 kes penipuan Macau Scam dicatatkan bagi tempoh Januari hingga Julai lalu melibatkan jumlah kerugian sebanyak RM2.8 juta.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu, pihaknya percaya sindiket itu menggunakan Caller ID Spoofing iaitu sejenis penipuan yang meniru nombor telefon pihak lain dan nombor tersebut akan tertera pada telefon mangsa yang dihubungi.

“Sindiket ini dipercayai menggunakan taktik itu untuk memperdaya mangsa



SINDIKET Macau Scam dikesan menggunakan taktik baharu iaitu menghantar surat menggunakan lambang PDRM menerusi SMS mendakwa kononnya penerima terlibat dengan kes dadah dan menggelapkan wang sehingga RM2.3 juta.

bahawa panggilan berkenaan adalah daripada pihak berkuasa atau agensi yang sah.

“Justeru orang ramai dinasihatkan agar lebih berhati-hati sekiranya menerima panggilan mahupun surat yang mencurigakan dan dinasihatkan merujuk perkara tersebut dengan pihak polis,” ujarnya.